

# Perjanjian Damai Kuala Lumpur tamat konflik Thailand-Kamboja

Kejayaan bukti kerjasama erat anggota ASEAN kekal keamanan

**Kuala Lumpur:** Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan semalam menyaksikan acara bersejarah apabila Thailand dan Kamboja menandatangani persetujuan yang dinamakan Perjanjian Damai Kuala Lumpur, sekali gus menamatkan persengketaan kedua-dua negara sejak sekian lama.

Perjanjian itu membolehkan keamanan diwujudkan di sempadan kedua-dua negara sepanjang 817 kilometer (km) selain menyaksikan Thailand akan membebaskan 18 anggota tentera Kamboja yang ditahan.

Ia dianggap pencapaian besar ASEAN kerana berjaya menghalang konflik ketenteraan daripada merebak dan memastikan keselamatan ribuan orang awam.

Perjanjian damai itu ditandatangani Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul dan rakan sejawatnya dari Kamboja, Hun Manet dan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi ASEAN dan Presiden Amerika (AS) Syarikat, Donald Trump.

Yang turut hadir Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin



Anwar bersama Trump, Charnvirakul dan Manet menunjukkan dokumen perjanjian selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Damai Kuala Lumpur pada Sidang Kemuncak ASEAN 2025 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri).

Nasution Ismail; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Setiausaha Negara AS, Marco Rubio dan Duta Besar AS ke Malaysia, Edgard D Kagan turut menghadiri majlis itu.

Perjanjian damai itu mengukuhkan persetujuan gencatan senjata yang sudah dicapai pada Julai lalu, susulan rundingan di antara Thailand dan Kamboja yang mana Malaysia menjadi tuan rumah rundingan.

Pada 28 Julai lalu, Anwar menganjurkan mesyuarat penting di Putrajaya antara Manet dan Pemangku Perdana Menteri



Thailand, Phumtham Wechayachai, yang berjaya meredakan ketegangan di sempadan bersama kedua-dua negara.

Sementara itu, Anwar berkata, perjanjian damai itu bukti semangat kerjasama yang erat dalam ASEAN untuk menjamin serta mengekalkan kedamaian rantau ini.

Katanya, perdamaian dimeterai menerusi perjanjian itu bukan satu tanda kelemahan, tetapi ia adalah tindakan keberanian.

Beliau berkata, di sebalik cabaran dan ketidakpastian dunia, ASEAN tetap teguh, di mana kekuatannya bukan hanya terletak pada persamaan, tetapi kepada keyakinan bahawa rasa hormat dan kewarasan masih mengikat negara anggotanya.

"Pagi ini (semalam), apabila Kamboja dan Thailand menandatangani perjanjian damai di Kuala Lumpur, dunia akan menyaksikan apa yang boleh dicapai melalui keyakinan itu.

"Ia mengingatkan kita bahawa

perdamaian bukan tanda kelemahan, tetapi satu tindakan keberanian dan bahawa keamanan, apabila dipilih, mampu membentuk semula masa depan sesebuah negara.

"Terima kasih, Perdana Menteri Thailand dan Perdana Menteri Kamboja," katanya ketika menyampaikan ucapan pembukaan pada sidang kemuncak itu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pertelingkahan dan ketidakpastian yang tercetus di seluruh rantau menguji bukan sahaja ekonomi ASEAN, tetapi juga keazaman bersama untuk terus berpegang kepada semangat kerjasama.